

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
PADA PEMBUKAAN BILIK GERAKAN KEMAJUAN  
KEBANGSAAN, DI KUALA LUMPUR  
PADA 4HB SEPTEMBER, 1961

Y.T.M. Tunku Perdana Menteri, Tuan-tuan yang **Terutama**,  
Y.B. Menteri-menteri,

Saya ucapkan **berbanyak terima kasih** kepada **tuan sekalian** kerana sudi hadir di upacara pembukaan **bilik** gerakan Kemajuan Kebangsaan kita atau National Development Operations Room pada **malam ini**.

Begitu **juga** saya ucapkan **berbanyak terima kasih** kepada Y.T.M. Tunku Perdana Menteri kerana sudi hadir **mengistiharkan** pembukaan bilik ini.

Kepada pegawai-pegawai di Kementerian **Pembangunan** Luar Bandar serta Ketua-ketua Pejabat dan Pegawai-pegawai daripada semua Kementerian dan Pejabat saya ucapkan terima kasih dan **tahniah** kerana telah **bekerja** dengan giatnya **menyediakan** bilik ini.

Bilik ini **bukanlah** satu bilik yang besar dan tuan-tuan sekalian berfikir tentu tidak patut diadakan satu upacara pembukaan resmi yang besar **semacam ini** pada malam ini. **Akan** tetapi bukannya keluasan bilik ini atau isinya yang mempunyai erti-kata dan makna yang **mustahak**—ialah hasrat dan semangat yang terkandung di dalamnya.

Bilik Gerakan ini ialah akan menjadi pusat nadi segala rancangan-rancangan kemajuan negara kita. Di **dalam** bilik ini ada tercatit semua sekali rancangan kemajuan **seluruh Tanah Melayu** serta keterangan-keterangan **bagaimana** caranya rancangan-rancangan itu berjalan. Di dalam bilik ini akan diadakan, dari suatu masa ke suatu masa, **mesyuarat-mesyuarat** di **antara** Menteri-menteri, Ketua-ketua Pejabat **erta** sekalian pegawai-pegawai yang **berkaitan** dengan kemajuan negara **bagi** menyemak kemajuan-kemajuan yang telah tercapai di dalam semua rancangan-rancangan negara kita dan bagi memikirkan **ikhtiar-ikhtiar** untuk **mengatasi** kesukaran-kesukaran dan **masaalah-masaalah** yang melambatkan kemajuan rancangan-rancangan itu, **bila-bila** didapati.

Oleh itu bilik ini ialah tempat menentukan **kemajuan** negara kita, menentukan **perkhidmatan**, kemajuan **serta kemakmuran** bangsa dan negara kita. Bilik ini ialah Bilik Gerakan, bilik untuk mengeluarkan kehasilan dan kejayaan—bilik bertindak bukan bilik untuk bercakap. Oleh itu saya tidak hendak bercakap **lebih** panjang lagi melainkan saya **berharap** dengan adanya Bilik Gerakan ini Ketua-ketua Pejabat, **Pegawai-pegawai** Kerajaan sekalian akan menumpukan sepenuh-penuh tenaga untuk **menjaya-**kan semua sekali **Rancangan-rancangan** Kemajuan negara kita.

Saya dengan amat sukacitanya mempersilakan Y.T.M. Tunku Perdana Menteri mengistiharkan pembukaan Bilik Gerakan Kemajuan Kebangsaan kita.